

aab

KERAJAAN NEGERI AKAN LAKSANA RESOLUSI KONGRES
Mahathir - Kongres

KUALA LUMPUR, 13 Jan (Bernama) -- Kerajaan-kerajaan negeri akan berusaha untuk melaksanakan segala ketetapan yang dibuat pada Kongres Ekonomi Bumiputera Ketiga yang tamat semalam, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata pengakuan untuk melaksanakan ketetapan-ketetapan itu dibuat oleh Menteri-Menteri Besar dan Ketua Menteri yang menganggotai Majlis Tertinggi UMNO, yang bermesyuarat, di sini, hari ini.

Pada masa yang sama, Kerajaan Pusat juga akan mengenalpasti jenis perniagaan yang sesuai untuk disertai oleh Bumiputera, katanya pada persidangan akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat itu yang berjalan hampir empat jam.

Kongres ekonomi tiga hari, yang dihadiri oleh 600 orang peniaga, ahli politik dan ahli akademi, membuat berbagai-bagai cadangan untuk ekonomi Bumiputera termasuk mewujudkan Skim Amanah Pelaburan Bumiputera.

Laporan kongres itu sedang disiapkan dan akan disampaikan kepada Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Presiden UMNO, dalam tempoh dua minggu. -- Lagi

▼13/01/19-10MST

aab

Mahathir - Kongres 2 Kuala Lumpur

Mesyuarat Majlis Tertinggi itu adalah yang pertama diadakan selepas Perhimpunan Agung UMNO yang diadakan November lepas.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata mesyuarat itu turut menerima permohonan dua bekas pemimpin Semangat 46, Encik Fahmi Ibrahim dan Encik Mazlan Harun untuk menganggotai UMNO.

Keanggotaan mereka berkuatkuasa hari ini, kata beliau.

Menjawab satu soalan, beliau berkata parti itu tidak menerima permohonan daripada Datuk Harun Idris, seorang lagi bekas tokoh Semangat 46, yang disebut-sebut akan menyertai UMNO.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata mesyuarat itu juga membincangkan isu pembabitan istana dalam pertadbiran kerajaan dan kegiatan ekonomi, yang hangat dibincangkan dalam Perhimpunan Agung lepas.

Bagaimanapun, katanya, perbincangan itu dibuat secara sambil lalu dan tiada keputusan dibuat mengenai perkara itu. -- Lagi

▼13/01/19-21MST

aab

Mahathir - Kongres 3 (akhir) Kuala Lumpur

Pada persidangan akhbar itu, Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO, Encik Ghafar Baba juga mengumumkan bahawa semua mesyuarat jawatankuasa cawangan UMNO Sabah akan diadakan antara 1 dan 29 Feb ini bagi memilih jawatankuasa tetap.

Mesyuarat bagi kesemua 20 Bahagian di negeri itu pula akan diadakan serentak pada 1 Mac, kata Encik Ghafar, yang juga pengerusi Perhubungan UMNO Sabah. -- Bernama